

15/05/2004

Generasi muda disaran berfikiran kritis beri pendapat

By Kadir Dikoh; Zuraidah Mohamed

GENERASI muda harus berfikiran kritis dan bebas daripada bergantung kepada orang lain sebagai syarat untuk menjadi belia cemerlang, kata Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Ramlah Adam.

Beliau berkata, mereka perlu berani mengutarakan idea baru dan memperjuangkan kebenaran sekali pun ia bertentangan dengan pemikiran serta pendirian generasi sebelumnya.

Katanya, pemimpin perlu mempunyai ciri-ciri tertentu bagi mencapai tujuan yang diharapkan masyarakat, sekali gus membolehkannya menjalankan tugas dengan bertanggungjawab.

Antara ciri-ciri belia yang mampu memimpin negara juga mesti berupaya membuat keputusan yang cepat, tepat dan bijaksana, selain berfikiran global dan mampu menganalisis perkembangan semasa mahupun akan datang.

"Belia juga mesti mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan berpendirian jelas serta tegas.

"Sikap ini dibuktikan dalam kepemimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang sehingga kini terus memperjuangkan soal maruah diri, bangsa dan negara," katanya pada sesi forum bertajuk 'Prasyarat Pembentukan Negara Terbilang: Peranan Belia Malaysia Dalam Era Globalisasi', di sini, semalam.

Ramlah berkata, pemimpin perlu memiliki ilmu kerana tanpanya seseorang itu tidak mengetahui bentuk arahan yang perlu diberi dan perkara perlu di jauhi.

Beliau berkata, tidak cukup dengan berilmu, pemimpin perlu mempunyai kesedaran mendalam untuk mengamalkan ilmu itu.

Selain itu, katanya, sejarah juga memainkan peranan penting dalam usaha membangkitkan kesedaran dan semangat nasionalisme generasi muda terhadap tanah air.

Melalui sejarah, gambaran sebenar mengenai perjuangan pemimpin sehingga mencapai kejayaan sekarang sekali gus mempererat lagi semangat perpaduan dan kerjasama di kalangan rakyat untuk terus berusaha memulihara kedaulatan negara dapat dilaksanakan.

"Generasi muda perlu menghayati sejarah kerana ia berperanan dalam pembentukan jati diri serta memupuk kepada semangat cintakan negara.

"Perpaduan penting bagi mencapai keharmonian dan kesejahteraan rakyat, malah menerusi sejarah juga kita mengenal warisan dan budaya bangsa," katanya.

Sementara itu, Penasihat Kongres Kesatuan Sekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, berkata budaya, sikap dan nilai di kalangan generasi muda perlu berubah jika mereka ingin mendapatkan atau berjaya dalam bidang pekerjaan.

Beliau berkata, bermula daripada peringkat sekolah sehingga ke institusi pengajian tinggi, mereka perlu menunjukkan komitmen dan budaya kerja yang dinamik bagi mencapai tahap itu.

"Pencapaian diharapkan akan menjadi kenyataan kalau budaya kita berubah iaitu menghayati budaya kerja secara positif, mempunyai sikap lebih dinamik dan ada nilai murni," katanya.

(END)